

# Waktu baru lulus: Untuk erat perpaduan, kata PM

**KUALA LUMPUR, Isnin** — Dewan Rakyat dengan sebulat suara meluluskan Rang Undang-undang Waktu Standard Malaysia 1981, bertujuan menseragamkan waktu seluruh negara menjadi lapan jam terdahulu dari waktu purata Greenwich, mulai 1 Januari depan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad membentangkan rang undang-undang berkenaan di satu sidang khas hari ini menegaskan, usaha positif ini bertujuan merapatkan lagi perhubungan, persefahaman serta ikatan silaturahmi antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak.

Datuk Seri Dr. Mahathir menjelaskan, waktu Sabah dan Sarawak dipilih sebagai asas waktu yang seragam bagi seluruh negara kerana waktu itu lebih sesuai dari segi penjimatan ke atas waktu atau 'time saving', serta akibatnya ke atas keselesaan dan kebiasaan kehidupan rakyat Malaysia pada keseluruhannya.

"Adalah disedari bahawa pemilihan waktu ini yang memerlukan Semenanjung mempercepatkan waktunya setengah jam, memerlukan pembiasaan oleh rakyat dalam kehidupan mereka sehari-hari.

"Ini, saya yakin, akan dicapai dengan secepat mungkin," katanya.

"Sebagaimana ahli-ahli yang berhormat maklum, kita sekarang ada dua waktu rasmi.

"Satu waktu rasmi bagi Semenanjung yang telah ditetapkan 7½ jam terdahulu dari Greenwich Mean Times (GMT)

"Perbezaan waktu

selama setengah jam ini membawa kepada perbezaan-perbezaan lain, antaranya yang paling ketara ialah perselisihan waktu mula dan tamat bekerja di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak.

"Perselisihan dalam waktu bekerja ini telah merugikan waktu komunikasi rasmi semasa waktu pejabat selama lebih kurang dua jam sehari di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak.

"Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk menghapuskan perbezaan yang wujud di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak walaupun pada hakikatnya kedua-dua wilayah ini dipisah oleh lautan yang besar.

"Namun demikian, langkah-langkah bagi merapatkan perhubungan, mewujudkan saling persefahaman serta mengeratkan lagi ikatan silaturahmi di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak masih boleh diusahakan.

"Cadangan untuk menyeragamkan waktu rasmi bagi seluruh negara adalah merupakan salah satu usaha-usaha positif ke arah mencapai matlamat ini," tambahnya.

Satu lagi sebab mengapa waktu Sabah dan Sarawak dipilih ialah, mengikut amalan antarabangsa perbezaan waktu di antara satu zon dengan zon yang berikutnya adalah satu jam dan waktu Sabah dan Sarawak didapati menepati prinsip perbezaan itu.

Selaras dengan pelaksanaan waktu standard Malaysia, kata Perdana Menteri, waktu rasmi pejabat juga akan diseragamkan bagi seluruh negara mulai 1 Januari 1982.